

# MUSA: SABAH KOMITED BANTU TINGKAT PENDIDIKAN TINGGI

OLEH MARRYAN RAZAN  
marrayan@newsabah-  
times.com.my  
NST 2.9.2016

**KOTA KINABALU:** Kerajaan Negeri akan terus komited dan sentiasa memberikan kerjasama dalam membantu segala usaha ke arah kemajuan dan peningkatan tahap pendidikan tinggi negara.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, sejak kewujudan Universiti Malaysia Sabah (UMS), pembangunan dan kemajuan negeri ini bergerak seiring dalam menampung keperluan-keperluan ekonomi dan sosial pelajar.

"Implikasi positifnya juga telah memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup dan ekonomi masyarakat sekitarnya.

"Pendek kata, UMS telah menjana satu transformasi pembangunan yang sangat pesat dalam tempoh yang sangat pantas di negeri Sabah," katanya ketika berucap sempena Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu UMS Sesi 2016/2017, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Musa yang juga Pro Canselor UMS berkata, sesuai dengan visi Kementerian Pelajaran untuk menjadikan Negara Malaysia sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2020, kerajaan telah mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang unggul dan menghasilkan graduan berdaya saing, beri-

novasi serta berakhlak mulia demi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa.

Beliau turut mengingatkan para siswa dan siswi supaya berdikari dalam mendapatkan ilmu dan sentiasa menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

"Para pelajar tidak boleh lagi mengamalkan budaya belajar seperti berada di bangku sekolah. Apabila berada di menara gading, semuanya harus disiap siagakan dan sentiasa bergerak pantas.

"Di universiti, jika anda malas berusaha, anda akan gagal malah ketinggalan dengan rakan-rakan yang lain," katanya.

Beliau juga mahu agar siswa dan siswi menetapkan matlamat dan sasaran masing-masing iaitu untuk bergraduan dalam masa yang ditetapkan.

"Jika kita mempunyai objektif dan hala tuju yang jelas, tidak mustahil segala yang diimpikan akan tercapai. Saya ingin berpesan agar para siswa dan siswi mengamalkan sikap rajin, sentiasa mahu menimba ilmu dan cintakan ilmu.

"Tetapi ilmu sahaja tidak cukup jika tidak diiringi dengan akhlak yang mulia, beriman, mempunyai etika dan moral terpuji dan mental fizikal yang baik," katanya.

Musa berkata pelajar universiti adalah bakal pemimpin pada masa hadapan, maka siswa-siswi harus sentiasa terampil, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam kegiatan universiti dan aktiviti kemasyarakatan.

"Kita tidak mahu melahirkan mahasiswa yang jumud. Tiada gunanya jika kita berilmu dan berpendidikan tinggi tetapi tidak menyumbang kepada masyarakat, tidak inovatif malah tidak berbudaya bahasa.

"Ini kerana tanggungjawab para siswa dan siswi bukan hanya kepada diri sendiri dan keluarga, tetapi juga kepada UMS khususnya dan negara amnya," katanya.

Mengenai sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2016 pada 16 September ini, Musa berkata pelbagai pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai bidang telah dicapai dan dapat dinikmati semua lapisan masyarakat negara ini dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

"Kejayaan negara kita ini tidak datang dengan mudah. Ia adalah hasil pelaksanaan dasar dan program pembangunan Kerajaan, penglibatan sektor swasta dan sokongan padu rakyat pada keseluruhannya.

"Justeru, saya ingin mengajak para pelajar universiti supaya bersama-sama menjaga dan memelihara kemerdekaan, kedaulatan dan kemakmuran yang kita kecapai selama ini.

"Syukuri dan hargailah nikmat ini dengan sepenuhnya kerana siswa-siswi merupakan generasi yang akan mewarisi dan meneruskan kesinambungan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan negara Malaysia, yang kita cintai ini," katanya.



AMANAT ... Musa ketika berucap pada majlis lafaz ikrar pelajar baharu UMS.